

9,337 transaksi

■ Perpustakaan bergerak HUSM bakal diteruskan ke wad lain

Oleh Ismail Muhamad
am@hmetro.com.my
Kota Bharu

Sebanyak 9,337 transaksi pinjaman buku oleh pesakit dan ahli keluarga yang menemani mereka direkodkan sehingga Januari lalu sejak perkhidmatan perpustakaan bergerak dibuka di wad kanak-kanak di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), di sini.

Perpustakaan berkonsep itu dibuka sejak April 2013 dan bakal diperluaskan ke wad lain dalam HUSM.

Timbalan Pengarah Klinik HUSM, Dr Mohammad Rosdi Abdul Rahman berkata, projek berkenaan pertama kali dilaksanakan sempena kewujudan Perpustakaan Hamdan Tahir Kampus Kesihatan Universiti

Sains Malaysia (USM) bagi memberi manfaat kepada pesakit kanak-kanak dan peneman mereka. "Perpustakaan bergerak ini untuk memberi peluang kepada kanak-kanak yang menjalani rawatan di wad dan keluarga mereka menghabiskan masa dengan cara membaca.

"Diharapkan mereka mendapat manfaat sewajarnya dan kami sentiasa berusaha menambah bahan bacaan menarik untuk mereka," katanya.

Beliau mewakili Pengarah HUSM, Datuk Dr Zaidun Kamari ketika melancarkan perkhidmatan perpustakaan bergerak di Ruang Legar Tingkat 6 HUSM, Kubang Kerian, di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan Hamdan



DR Mohammad Rosdi (dua dari kanan) melayani pesakit kanak-kanak di Wad 6 Selatan selepas melancarkan Perpustakaan Bergerak (Mobile Library) di HUSM, Kubang Kerian.

Tahir Kampus Kesihatan USM Engku Razifah Engku Chik.

Sementara itu, Engku Razifah berkata, dengan penyediaan perpustakaan boleh menyuntik semangat ahli keluarga yang menemani

pesakit, sekali gus mengelak mereka daripada merasa bimbang atau resah.

Katanya, terdapat cadangan untuk memperluaskan perpustakaan bergerak ke wad lain dalam

usaha menggalakkan budaya membaca.

"Kami sedang berbincang mengenai perkara ini. Sakit tidak menghalang kita mencari dan menimba ilmu," katanya.



Harian metro
23/5/2015
m/1548